


表1

# Atan

## SAHABAT SELAMANYA

表1-1






Kampung Buana Tunggal, sebuah kampung yang indah, nyaman, aman, dan damai.
Kebanyakan penduduk di sini mengusahakan sawah padi, bertani dan berbakti kepada alam.
Meskipun tidak terlalu mewah dan maju, masyarakat di sini tetap hidup bahagia dan gembira dengan apa yang mereka ada. Senyuman dan keceriaan sentiasa terpapar pada wajah mereka.
Secara zahirnya, itulah yang dapat dilihat dan digambarkan mengenai Kampung Buana Tunggal ini....
CIP...
CIP...
CIP...
Namun, tiada siapa menyangka serta menduga, di sebalik paparan wajahnya yang sempurna, kampung ini turut menyembunyikan sisi gelapnya bersama cebis-cebis kisah yang bisa meruntunkan hati dan penuh misteri.
Dan kisah ini adalah salah satu daripadanya....
Kisah seorang budak bernama Hasbi serta kerbaunya, Atan....


Semalam aku mimpi, ikan laga yang aku tangkap itu boleh terbang.
Ikan itu ada sayap... macam belalang. Eh, bukan! Bukan! Sayapnya macam sayap pepatung.
Alan, kau dengar tak aku cakap?
Hmmm... pasti seronok kalau ikan boleh terbang macam burung, bukan? Kalau Alan pun ada sayap, mesti kita boleh terbang di langit.
CHUP! CHUP!
Hasbi!
Mengapa awak masih ada di sini, Hasbi?
Hmmm?




Masti awak leka sangat bermain sehingga lupa masa untuk pergi ke sekolah. Lambat sampai nanti, kena denda berdiri atas meja. Padan muka awak!
Eh, apa yang awak pegang itu?
Mengapalah si kembar ini muncul mengganggu pada waktu aku sedang sedap mengelamun? Kacau daun betul...
Namun, mujurlah, mereka berdua ini comel... he he he!
Yang ada tahi lalat di bawah mata ini, Anisah namanya.
Belalang lipat daun? Wah, awak tahu buat, ya?
Kakaknya ini pula bernama Aniqah.
Mestilah! Cantik, bukan? Lain kali saya buat serangga lipat daun yang lain.
Mereka mempunyai banyak persamaan yang sering mengelirukan orang ramai. Wajah, fizikal, suara, semuanya sama. Yang membezakan mereka hanyalah tahi lalat itu.
Cantiknya! Berikan kepada saya, boleh?
Haa?



1-003

1-004


He he he! Ini hasil seni lipat pertama saya. Mana boleh senang-senang beri kepada orang lain.
Saya yang beri cadangan kepada awak untuk cuba buat benda itu.
Jadi, awak patut berikannya kepada saya. Cepatlah!
Inilah perbezaan mereka berdua. Berbanding dengan si adik, si kakak lebih pemalu dan pendiam.
Walaupun aku jarang dapat bercakap dengannya, tetapi aku lebih suka dengan perwatakannya.
Sudah kenyang? Mari kita balik. Aku mahu pergi sekolah.
Mmoohh...!


Bukan mudah hendak buat belalang lipat ini. Bersusah payah dan berkali-kali saya cuba.
Beri sahajalah kepada saya.
Ini hak milik saya. Bermaksud, saya ada hak untuk beri kepada sesiapa sahaja yang saya mahu.
Nah, Aniqah.
Saya hadiahkan belalang lipat pertama saya ini kepada awak, bukan Anisah. Ha ha ha!
....


Bukannya ada beza pun. Kami berkongsi apa-apa sahaja.
PAK!
Hei! Mana boleh...
Bagi balik! Hei!
Lebih baik awak balik dan bersiap cepat-cepat. Nanti kita jumpa di sekolah.
....
Anisah, jangan-lah buat begini!
Cepat jalan, jangan pedulikan dia.




Begitulah selalunya perangai budak kembar itu. Si adik selalu mahu menang Manakala si kakak pula selalu mengalah.
Aku sudah masak dengan sikap mereka berdua. Sejak kecil, kami membesar bersama-sama. Rumah mereka dekat sahaja dengan rumah aku. Malah, kami juga belajar dalam kelas yang sama di sekolah.
Namun, rakan aku yang paling rapat dan nombor satu adalah Atan.
Aku memang suka luangkan masa bersama Atan. Tetapi, Atan pula bukan selalu dapat luangkan masa untuk aku. Atan perlu bantu abah di sawah. Boleh tahan berat juga kerjanya.
Memang seronok dapat berjalan-jalan sambil duduk di atas Atan. Suasana dan pemandangan kampung kelihatan lebih menarik serta lebih luas. Lebih menyeronokkan, aku dapat bersembang dengan Atan kerana dia boleh faham apa yang aku cakapkan.
Paling hebat, dia tidak akan beritahu sesiapa apa yang kami sembangkan. Jadi, banyak rahsia yang aku kongsikan dengan Atan. Disebabkan itulah, aku anggap Atan adalah kawan terbaik aku di dunia ini.
Baiklah, Atan! Aku mahu mandi, makan, dan pergi sekolah.
Kau jaga diri baik-baik, ya.
Moohhh....